

Sektor Pendaftaran & Rekod Statistik (SPRS) KPTM Ipoh

Kepada : Semua Pelajar Tahun Akhir Sesi April 2024

Daripada : Penolong Pengarah

Melalui : -

Rujukan kami
KPTM.IH.SPRS.RP.05 Jilid 2 (38)

Tarikh
24 Mei 2024
15 Zulkaedah 1445H

Assalamualaikum w.b.t

Ybhg. Prof /Dr /Tuan /Puan,

PENGESAHAN MAKLUMAT DATA PERIBADI PELAJAR TAHUN AKHIR SESI APRIL 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak SPRS sedang menyemak data peribadi pelajar Tahun Akhir, Semester 6 Sesi April 2024. Oleh itu saudara/i diminta hadir ke pejabat SPRS, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) Aras G mulai 28 Mei 2024 sehingga 7 Jun 2024 bagi membuat pengesahan tersebut.

3. Saudara/i adalah diingatkan bahawa pengesahan data sangat penting untuk urusan berkaitan konvo terutama proses pencetakan skrol dan transkrip. Pihak kolej **tidak bertanggungjawab** jika terdapat kesilapan pada skrol/transkrip dan apa juga berkaitan majlis konvokesyen jika saudara/i tidak membuat pengesahan data mengikut tempoh yang ditetapkan.

Keprihatinan saudara/i dalam perkara ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

NORHIDAYAH BINTI ZAKARIA

s.k. Mentor Pelajar

“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”

